




E BULETIN ACIS

MEMPERKUKUH PRESTASI, MENJANGKAU LIMITASI



SOROTAN TAJUK UTAMA

**MANHAJ RABBANI SERVED
AS A BASIS TO NURTURE
HUMANITY**

5

**ESKU 2021 ACIS: HALAL DAN
MUAMALAT KEKAL MENDAPAT
TUMPUAN PENGUNJUNG MAYA**

7

**YAYASAN RIZALMAN
IBRAHIM SANTUNI
MAHASISWA B40 ACIS**

8

MEMPERKUKUH PRESTASI, MENJANGKAU LIMITASI

E Buletin ACIS edisi ketiga merangkumkan sorotan prestasi ACIS bagi separuh penggal pertama 2021. Membawakan tema memperkukuh prestasi, menjangkau limitasi, ACIS terus melakar kegemilangan dengan menjalankan lebih banyak program berimpak tinggi dan menggiatkan jalinan hubungan dengan industri.

Digitalisasi penyampaian maklumat digunakan sepenuhnya untuk mendekati masyarakat yang lebih pelbagai. Sokongan kuat seluruh sistem dalam menggerakkan ACIS ke persada yang lebih tinggi mampu membawa ACIS menjangkau limitasi.

SUMMER CAMP @ FRANKFURT

Seramai tiga orang pelajar ACIS telah terpilih sebagai peserta mewakili fakulti dan UiTM ke Program *Hessen Virtual Academic Short-Term European Finance Program Frankfurt 2021* yang berlangsung pada 28 Jun 2021 hingga 9 Julai 2021. Pelajar bertuah yang terpilih untuk mengikuti program ini adalah:

- Minhaaja Binti Muhammad Aminudin
- Noor Hannah Syazwani Binti Khairul
- Anis Fathiyah Binti Ahmad

Umumnya, program ini memberi pendedahan kepada para peserta mengenai *European Finance System*, iaitu sistem kewangan dan perbankan di Jerman dan Kesatuan Eropah (EU). Dengan memanfaatkan teknologi semasa, walaupun berbeza tempat dan masa, para peserta masih boleh bersama-sama menghadiri kelas pada jadual yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. Program yang dianjurkan secara atas talian ini dijalankan pada dua sesi setiap hari bermula pada pukul 3.00 petang waktu Malaysia (9.00 pagi waktu Jerman) dengan durasi 1 jam 30 minit, pelajar akan mengikuti kuliah, membuat tugas serta pembentangan. Pelbagai manfaat diperolehi oleh para pelajar khususnya kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, selain daripada dapat mengintegrasikan pengetahuan dalam bidang muamalat. Para pelajar juga berpeluang untuk bersosial dan berinteraksi silang budaya dengan peserta-peserta dari negara lain termasuk German, Belanda, Turkey, Bosnia dan Vietnam.





اَبُوْ اَسِيْقِيْ تِيْكَنُوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)

40450 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



acis.uitm



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.